

14/06/1998

Mahathir minta bank turun margin untung (HL)

Zainudin Isa; Zulkofli Jamaludin; Shamshul Azree Samshir

KUALA LUMPUR: Kabinet yang membincangkan isu kadar faedah pinjaman dalam mesyuaratnya, Rabu lalu, tidak menetapkan sebarang angka bagi dipatuhi institusi kewangan, sebaliknya menyerahkannya kepada Bank Negara.

Dalam keadaan ekonomi sekarang, Kabinet juga berpendapat adalah lebih baik jika kadar asas pinjaman (BLR) dan julat (margin peratus keuntungan bank) lebih kecil.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, semalam meminta sektor perbankan tempatan merendahkan kadar julat itu bagi membolehkan pinjaman dapat dikeluarkan dengan kadar faedah rendah serta tidak membebankan pelanggan ketika negara dilanda kegawatan.

Dr Mahathir berkata beliau sudah beberapa kali memberi penjelasan berhubung isu kadar faedah tetapi masih ada pihak yang keliru.

"Saya sudah minta bank mengenakan kadar faedah rendah, iaitu kadar faedah efektif. Kadar faedah tinggi kerana kos pembiayaan. Tetapi kadar 11 peratus itu tidak tinggi. Jadi, kos pembiayaan yang menyebabkan kadar faedah meningkat sehingga 15 atau 18 peratus di mana ia tidak sepatutnya berlaku.

"Kita mahu kadar faedah menjadi 11 peratus, jadi perlulah mencari jalan atau kaedah supaya kadar itu tidak tinggi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri pertemuan dengan ahli veteran Umno di sini, semalam.

Julat adalah keuntungan bank dikenakan kepada peminjam dalam pinjaman berdasarkan kepada BLR.

Terdahulu, bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Masjid Al-Muhajirin, Bandar Sri Damansara di sini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menjelaskan isu itu dibincangkan Kabinet secara umum.

"Tetapi tidak ada keputusan muktamad dibuat dalam perkara itu kerana ini memang dalam tugas Bank Negara," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata Kabinet juga tidak menetapkan angka spesifik berhubung kadar faedah pinjaman.

Dalam keadaan ekonomi sekarang, katanya, adalah lebih baik jika BLR dan margin peratus keuntungan bank diturunkan.

"Maknanya, jika BLR dalam masa tiga bulan ialah 11 peratus, margin keuntungan wajar diturunkan kepada empat hingga lima peratus.

"Saya gembira kerana sesetengah bank, seperti Maybank telah menurunkan margin keuntungannya. Ini sangat penting kerana ia akan menurunkan kadar efektif pinjaman dan dengan itu ekonomi boleh berkembang lagi," katanya.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir pula berharap sektor perbankan perlu lebih bertanggungjawab selain menumpukan usaha mencatat keuntungan.

"Ini bukan suatu pengorbanan..., bank masih boleh membuat duit tetapi janganlah terlalu banyak ketika masa sukar ini.

"Mereka (bank) yang 'membunuh' pelanggan, mereka juga akan kehilangan perniagaan," katanya.

Beliau berkata, setiap pinjaman akan dibayar balik sekiranya perniagaan yang diusahakan berjaya atau mencatat keuntungan.

"Tetapi jika bank menjadikan mereka gagal, bermakna bank sendiri akan kehilangan wang yang dipinjam.

"Ini bermakna kerajaan juga akan menanggung rugi kerana jika pinjaman tidak dibayar oleh syarikat, kita sudah tentu tidak dapat mengutip cukai..., ia mudah sahaja," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, tidak timbul isu mengemukakan cadangan kepada Bank Negara berhubung kadar fadar 11 peratus.

"Bank Negara mempunyai hubungan rapat dengan Kementerian Kewangan. Jadi sebarang pandangan yang kita ada sudah pasti mendapat pengesahan kementerian itu juga," katanya.

(END)